

UCAPAN
YAB DATO' SERI ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI
SEMPENA MAJLIS PELANCARAN INSTITUT INTEGRITI NEGERI PERINGKAT
KEBANGSAAN DAN SAMBUTAN HARI INTEGRITI NASIONAL 2006
DI PICC, PUTRAJAYA
9 NOVEMBER 2006

BISMILLAHIR RAMANIR RAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI WABARAKATUH DAN SALAM SEJAHTERA

YAB DATO' SRI MOHD. NAJIB BIN TUN ABDUL RAZAK
TIMBALAN PERDANA MENTERI

AHLI-AHLI JEMAAH MENTERI

YANG BERBAHAGIA TAN SRI MOHD SIDEK HAJI HASSAN
KETUA SETIAUSAHA NEGARA
MERANGKAP Pengerusi Institut Integriti Malaysia

DIF-DIF JEMPUTAN

TUAN-TUAN, PUAN-PUAN, PARA HADIRIN YANG SAYA HORMATI SEKALIAN

1. ALHAMDULILLAH, SAYA BERSYUKUR KEHADRAT ALLAH S.W.T. KERANA DENGAN LIMPAH, KURNIA DAN IZIN-NYA DAPAT KITA SAMA-SAMA BERKUMPUL PADA PETANG INI UNTUK MEMPERINGATI HARI INTEGRITI NASIONAL DAN MENYAKSIKAN PELANCARAN INSTITUT INTEGRITI NEGERI PERINGKAT KEBANGSAAN.

2. SAYA AMAT GEMBIRA MELIHAT PERKEMBANGAN TERBARU INI. WALAUPUN ADA PIHAK YANG MUNGKIN SKEPTIKAL DENGAN SEGALA USAHA YANG TELAH KITA LAKUKAN SELAMA INI, NAMUN SAYA PERCAYA BAHAWA KALAU KITA TERUS SERIUS DAN KOMITED, NESCA YA KITA AKAN MENCA PAI APA YANG KITA SAMA-SAMA IMPIKAN.

3. WALAUPUN USAHA MENINGKATKAN INTEGRITI ADALAH SATU USAHA JANGKA PANJANG, KITA HARUS MENINJAU DAN MENILAI KEMAJUAN AGENDA INTEGRITI KITA. UNTUK ITU, KITA PERLU ADA KAYU PENGUKUR YANG MENEPATI CITA-CITA DAN ASPIRASI KITA. DI SAMPING ITU, KITA JUGA HARUS MENINJAU KAYU PENGUKUR YANG DIBAWA OLEH PIHAK-PIHAK LUAR, KERANA IANYA SEDIKIT SEBANYAK MEMPENGARUHI PENDIRIAN DAN PENDAPAT ORANG LUAR TERHADAP KITA. APABILA BERCAKAP TENTANG INTEGRITI, MISALNYA, KITA TIDAK DAPAT LARI DARIPADA MENYENTUH TENTANG LAPORAN PERSEPSI RASUAH DARI TRANSPARENCY INTERNATIONAL. LAPORAN PERSEPSI TERSEBUT TELAH DIKELUARKAN BARU-BARU INI BAGI TAHUN 2006, DAN MENDAPATI NEGARA KITA TELAH MENURUN SEDIKIT DARI SKOR 5.1 KE 5.0.

4. KEDUDUKAN TERKINI INI AMAT MENDUKACITAKAN DAN MEMBAWA TANDA TANYA SAMA ADA KAJIAN TERSEBUT SAHIF DAN BENAR-BENAR MENCERMINKAN KEADAAN DI MALAYSIA. KITA BOLEH MEMBUAT ANDAIAN BAHAWA KAJIAN TERSEBUT ADALAH KAJIAN PERSEPSI SEMATA-MATA, DAN DENGAN ITU, MUNGKIN

BERBEZA DARIPADA REALITI. MUNGKIN KETERBUKAAN YANG DIBAWA SEKARANG, TERUTAMANYA DI DALAM MEDIA MASSA, TELAH MENYEBABKAN RAMAI YANG MASIH BERPENDAPAT KEADAAN DI MALAYSIA BELUM MENINGKAT LAGI DENGAN KETARA. WALAU APA PUN KESIMPULAN YANG MUNGKIN DIAMBIL DARIPADA KAJIAN PERSEPSI TERSEBUT, SAYA TETAP BERTEGAS UNTUK MELAKSANAKAN AGENDA INTEGRITI DI DALAM NEGARA. MALAH SAYA MELIHAT LAPORAN PERSEPSI KALI INI SEBAGAI PERINGATAN DAN “WAKE UP CALL” BAGI MENYEDARKAN DAN MENYUNTIK SEMANGAT KEPADA KITA UNTUK BERUSAHA DENGAN LEBIH GIGIH LAGI, BAGI MENJAYAKAN USAHA JANGKA PANJANG UNTUK MEMBASMI RASUAH DAN MELAHIRKAN LEBIH RAMAI INSAN BERHATI MULIA DAN BERJIWA LUHUR DI DALAM NEGARA.

5. KITA SEBENARNYA TIDAK PERLU ORANG LAIN UNTUK MEMBERITAHU KITA TENTANG KEADAAN DALAM NEGARA KITA SENDIRI. OLEH KERANA KITA TAHU DAN SEDAR TENTANG CABARAN BESAR YANG DIHADAPI SEKARANG, MAKA SAYA TELAH MEMINTA SUPAYA DISEDIAKAN SATU PELAN DI PERINGKAT NASIONAL UNTUK MEMBANTU KERAJAAN MEMANTAPKAN INTEGRITI DI KALANGAN RAKYAT, MELALUI PELAN INTEGRITI NASIONAL (PIN), YANG DI LAKSANA DAN DIPANTAU OLEH INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (I.I.M.).

6. ALHAMDULILLAH, HARI INI KITA BERGERAK MAJU KE HADAPAN LAGI MELALUI PELANCARAN INSTITUT INTEGRITI DI PERINGKAT NEGERI. SAYA YAKIN SAUDARA DAN SAUDARI AKAN BEKERJA BERSAMA SAYA UNTUK MEMBASMI RASUAH, MENANGANI PENYELEWENGAN DAN MENGHENTIKAN SALAH GUNA KUASA DI MANA SAHAJA IANYA BERLAKU – SAMA ADA DI SEKTOR AWAM, SEKTOR SWASTA, SEKTOR POLITIK, SEKTOR N.G.O. DAN SEBAGAINYA. JANJI KITA UNTUK MENINGKATKAN KECEKAPAN DALAM SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM DAN MENGATASI KARENAH BIROKRASI TETAP DITERUSKAN DAN DIMANTAPKAN LAGI. USAHA KE ARAH ITU SEDANG DIJALANKAN DAN KITA SUDAH MELIHAT SEDIKIT KEMAJUAN. NAMUN DEMIKIAN MASIH TERDAPAT RUANG UNTUK KITA MENJADI LEBIH BAIK DAN SAYA PERCAYA BAHAWA SEMUA PIHAK SEDANG BERUSAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH KE ARAH MENCAPAI MATLAMAT TERSEBUT. MALAH KESUNGGUHAN ITU BUKAN HANYA DILIHAT DI SEKTOR AWAM, MALAH DI SEKTOR-SEKTOR LAIN.

7. WALAUPUN DEMIKIAN, RAMAI PIHAK YANG JUGA TELAH MENYUARAKAN KELUHAN SERTA KRITIKAN BAHAWA BANYAK KES-KES YANG DISABITKAN DENGAN RASUAH – SAMA ADA YANG MELIBATKAN “IKAN BILIS” ATAU “JERUNG” – MASIH TERTANGGUH. APABILA ISU INI DIBANGKITKAN, SELALUNYA KRITIKAN ITU DITUJUKAN KEPADA PERDANA MENTERI YANG KONONNYA DITUDUH TIDAK BEGITU SERIUS UNTUK MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP MEREKA YANG BERSALAH. NAMUN INI ADALAH URUSAN MAHKAMAH DAN SAYA MENYERAHKAN KEPADA PIHAK MAHKAMAH UNTUK MENYELESAIKAN KES-KES TERSEBUT. NAMUN SAYA MENGANGGAP KES-KES RASUAH SEBAGAI KES YANG MELIBATKAN KEPENTINGAN AWAM YANG HARUS DISELESAIKAN SEBERAPA SEGERA. SAYA PERCAYA KEPADA PERUNGKAPAN: KEADILAN YANG TERTANGGUH, ADALAH KEADILAN YANG TIDAK DILAKUKAN (“JUSTICE DELAYED IS JUSTICE DENIED”). SESUNGGUHNYA, KELEWATAN DALAM MENDENGAR DAN MEMUKTAMADKAN KES-KES RASUAH BOLEH MENJEJAS USAHA KERAJAAN UNTUK MEMBASMI RASUAH DAN MENINGKATKAN INTEGRITI. OLEH ITU, SEPERTI RAKYAT LAIN, SAYA BERHARAP PIHAK MAHKAMAH DAPAT MENYEGERAKAN PENDENGARAN KES-KES RASUAH AGAR BUKAN HANYA KEADILAN DILAKUKAN, TETAPI KEADILAN KELIHATAN DILAKUKAN (“NOT ONLY IS JUSTICE DONE, BUT JUSTICE IS SEEN TO BE DONE”).

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

8. USAHA MELAKSANAKAN PELAN INTEGRITI NASIONAL (PIN) MENDAPAT PERHATIAN YANG SERIUS DARIPADA SAYA DAN KERAJAAN. JUSTERU ITU, SAYA INGIN MENANAM AZAM DAN ILTIZAM YANG KUKUH DI KALANGAN MENTERI DAN MENTERI BESAR/KETUA MENTERI; DI KALANGAN PEGAWAI SEKTOR AWAM; DI KALANGAN AHLI KORPORAT; DI KALANGAN AHLI POLITIK; DI KALANGAN AHLI AKADEMIK; DI KALANGAN AHLI N.G.O.; SERTA DI KALANGAN PEMIMPIN MASYARAKAT, AGAR DAPAT MENYUMBANG TENAGA MELALUI INSTITUT INTEGRITI NEGERI MASING-MASING DENGAN SEDAYA UPAYA YANG ADA, DENGAN PERASAAN YANG BENAR-BENAR INGIN BERKHIDMAT, DAN DENGAN KEINGINAN YANG IKHLAS UNTUK MENABUR BAKTI KEPADA RAKYAT. GUNAKANLAH PELUANG INI UNTUK MEMANTAPKAN INTEGRITI DAN MENGUKUHKAN KELUHURAN DI PERINGKAT NEGERI. TUNJUKKANLAH BAHAWA KITA BENAR-BENAR SERIUS UNTUK MEMBANTERAS RASUAH DAN JANGAN SEKALI-KALI BERKOMPROMI DENGAN MANA-MANA PIHAK YANG TIDAK BERETIKA.

9. DI SAMPING ITU, SAYA BERHARAP INSTITUT INTEGRITI DI SETIAP NEGERI AKAN "TURUN PADANG" DAN BEKERJASAMA DENGAN PELBAGAI PERTUBUHAN MASYARAKAT DAN MENGADAKAN PROGRAM KESEDARAN SECARA USAHA SAMA. HANYA DENGAN KERJASAMA DAN SOKONGAN DARI RAKYAT SAHAJALAH MAKA DAPAT KITA MENCAPAI HASRAT UNTUK MEWUJUDKAN SEBUAH MASYARAKAT BERINTEGRITI DAN BERHATI MULIA. SUKA SAYA INGATKAN, SEPERTI INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA, INSTITUT INTEGRITI NEGERI JUGA HARUS BERSIKAP NEUTRAL DAN "NON-PARTISAN". TERUS TERANG SAYA NYATAKAN BAHAWA USAHA YANG DIBAWA INI BUKAN SEKADAR UNTUK MEMENANGI PILIHAN RAYA. KITA LAKSANAKAN INI KERANA KITA SAYANGKAN NEGARA. KITA LAKUKAN INI KERANA KITA BENAR-BENAR INSAF DAN SEDAR TENTANG APA YANG AKAN TERJADI KEPADA NEGARA DAN MASYARAKAT SEKIRANYA KITA MEMBIARKAN KEBURUKAN MENGATASI KEBAIKAN. JUSTERU ITU, USAHA MEMBASMI RASUAH HARUS MENDAPAT SOKONGAN DAN KEUTAMAAN DARIPADA SEMUA PIHAK.

10. DALAM PADA ITU, SAYA BERPENDAPAT INSTITUT INTEGRITI NEGERI TIDAK HARUS DILIHAT SEBAGAI SEBUAH AGENSI KERAJAAN. IANYA HARUS DIISI DENGAN KAKITANGAN YANG BERINTEGRITI, BERPRINSIP LUHUR, BERHEMAM DAN YANG PALING PENTING, KOMITED DAN BERKEBOLEHAN. INSTITUT INI MEMPUYAI PERANAN YANG AMAT PENTING DALAM MERANGKA PROGRAM YANG MEMBERI IMPAK DAN KESAN KEPADA MASYARAKAT. OLEH KERANA ITU, SAYA INGIN MENINGATKAN SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT DENGAN PENUBUHAN INSTITUT INTEGRITI NEGERI, BAHAWA TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB UNTUK MEMBAWA PELAN INTEGRITI NASIONAL KE PERINGKAT NEGERI INI ADALAH SATU AMANAH YANG BESAR DAN BERAT. IANYA MEMERLUKAN KESUNGGUHAN KITA MELAKSANAKAN KERJA-KERJA DENGAN JUJUR, IKHLAS DAN PENUH DEDIKASI.

11. SAYA TETAP YAKIN BAHAWA USAHA KITA UNTUK MEMANTAPKAN INTEGRITI DI MALAYSIA AKAN MENCAPAI KEJAYAAN. SAYA YAKIN DENGAN SOKONGAN SAUDARA-SAUDARI YANG HADIR PADA HARI INI DAN SAYA BERTAMBAH YAKIN DENGAN KOMITMEN YANG DITUNJUKKAN OLEH KETUA SETIAUSAHA NEGARA YANG BARU. SEJAK TAN SRI SIDEK MENGAMBIL ALIH JAWATAN K.S.N., SAYA MENELITI BAGAIMANA BELIAU TELAH MEMBERI KEUTAMAAN KEPADA INTEGRITI DAN MELETAK INTEGRITI DITONGGAK PENTADBIRAN BELIAU SEBAGAI K.S.N.. SAYA YAKIN BELIAU AKAN MEMBANTU SAYA MELALUI TUGAS SAMPINGAN BELIAU SEBAGAI Pengerusi Lembaga Pengarah Institut Integriti Malaysia, Untuk

MENJADIKAN I.I.M. LEBIH EFEKTIF DALAM MEMANTAU PELAKSANAAN PELAN INTEGRITI NASIONAL. DALAM HAL INI, MUNGKIN MASANYA SUDAH TIBA UNTUK KITA MEMBUAT KAJIAN SEPARUH PENGGAL TERHADAP PIN DAN MELIHAT SEMULA SAMA ADA APA YANG KITA RANCANGKAN DAHULU MASIH RELEVAN ATAU PERLU KITA FIKIR SEMULA. APA YANG PENTING ADALAH UNTUK KITA MENJADIKAN PELAN INI SATU KENYATAAN. APA YANG PENTING ADALAH UNTUK KITA MEMBAWANYA KE PERINGKAT AKAR-UMBI DAN KE SETIAP PELOSOK NEGARA. APA YANG PENTING ADALAH UNTUK KITA MEMASTIKAN BAHAWA SETIAP ANGGOTA MASYARAKAT TAHU BAHAWA KITA KOMITED DAN SERIUS DALAM PERKARA INI, DAN MEREKA BERJUANG BERSAMA KITA UNTUK MENEGAKKAN INTEGRITI DI MALAYSIA.

SAUDARA DAN SAUDARI SEKALIAN

12. SAYA INGIN MENGAMBIL KESEMPATAN INI UNTUK MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA I.I.M. DAN SELURUH KAKITANGANNYA YANG TELAH MENGGALAS TANGGUNGJAWAB YANG BERAT INI. KITA SEBENARNYA TAHU BAHAWA TUGAS YANG DIPIKUL INI BUKANLAH SATU TUGAS YANG MUDAH. IMPAK DARI USAHA INI TIDAK AKAN DAPAT DINILAI DALAM MASA TERDEKAT. HASRAT KITA ADALAH SUPAYA GENERASI MUDA DAN GENERASI AKAN DATANG MENDAPAT NIKMAT DARI USAHA KITA MEMBANTERAS RASUAH DAN MEMANTAPKAN INTEGRITI DI DALAM NEGARA.

13. SAYA BERHARAP I.I.M. AKAN MEMBANTU 'ADIK-ADIK' NYA DI PERINGKAT NEGERI. SAYA JUGA BERHARAP SATU SINERGI AKAN WUJUD, DI MANA JARINGAN ANTARA INSTITUT INTEGRITI INI DAPAT MENGUBAH LANSKAP NEGARA MENJADI NEGARA YANG CEKAP DAN BERINTEGRITI, SEKALI GUS MENGUBAH PERSEPSI MASYARAKAT DAN ORANG LUAR MENGENAI TAHAP RASUAH DAN INTEGRITI DI DALAM NEGARA.

14. DALAM APA PUN YANG KITA LAKUKAN, YANG PENTING ADALAH SUPAYA KITA MELAKUKAN YANG TERBAIK. SETIAP DARI KITA, DAN SAYA MULAKAN DENGAN DIRI SAYA SENDIRI, MEMERLUKAN PERWATAKAN YANG LUHUR, KEWIBAWAAN YANG JITU DAN TAHAP DISIPLIN YANG TINGGI. SAYA BERHARAP SEMUA YANG HADIR PADA HARI INI AKAN DAPAT MENCERMINKAN NILAI-NILAI INI DENGAN JELAS. INI PENTING SEKIRANYA KITA INGIN MELIHAT AGENDA INTEGRITI MENJADI BUDAYA HIDUP DALAM MASYARAKAT KITA.

15. AKHIR KATA, SAYA INGIN MENGUCAPKAN TAHNIAH DAN SYABAS KEPADA SEMUA YANG TERLIBAT DALAM MENJAYAKAN PROGRAM SAMBUTAN HARI INTEGRITI NASIONAL DAN PELANCARAN INSTITUT INTEGRITI NEGERI INI. BUKTIKANLAH BAHAWA USAHA KITA INI BUKAN USAHA BERMUSIM. BUKTIKANLAH BAHAWA KITA KOMITED UNTUK MELIHAT USAHA INI BERTERUSAN. BUKTIKANLAH BAHAWA KITA SERIUS UNTUK MEMBASMI RASUAH DAN MENINGKATKAN INTEGRITI. TAHNIAH DIUCAPKAN JUGA KEPADA I.I.M. KERANA TELAH MENGHASILKAN SEBUAH BUKU KECIL YANG BAKAL MEMUDAHKAN RAKYAT MEMAHAMI APA YANG KITA MAKSUDKAN DENGAN INTEGRITI. BERTAJUK "DARI AKAR HINGGA BUAHNYA", BUKU KECIL INI BOLEH DIIBARATKAN SEBAGAI BENIH INTEGRITI YANG CUKUP MENARIK DAN MUDAH DIFAHAMI, YANG DAPAT DISEMAI DAN DISUBURKAN DI KALANGAN RAKYAT. SAYA BERHARAP USAHA MURNI INI AKAN DITERUSKAN DAN BERDOA SEMOGA ALLAH S.W.T. AKAN MEMBERKATI DAN MEMBERI KEKUATAN KEPADA KITA UNTUK BEKERJA DENGAN LEBIH GIGIH LAGI MEMAKMURKAN NEGARA DENGAN PENUH DEDIKASI DAN BERINTEGRITI.

16. MAKA DENGAN HARAPAN TERSEBUT, DENGAN LAFAZ BISMILLAHIR RAHMANIR RAHIM, SAYA DENGAN SUKACITANYA MELANCARKAN INSTITUT INTEGRITI NEGERI PERINGKAT KEBANGSAAN DAN SEKALI GUS MELANCARKAN BUKU "DARI AKAR HINGGA BUAHNYA".

SEKIAN, TERIMA KASIH.